

**TEKS UCAPAN**

**BRIG. JENERAL DATUK PROF DR KAMARUDIN HUSSIN**

**NAIB CANSELOR UniMAP**

**SEMPENA MAJLIS MAKAN MALAM**

**MERAIKAN PELAJAR IEC DAN PENGHARGAAN MTE**

**2014 PADA 5 DISEMBER 2014, DI**

**HOTEL SERI MALAYSIA, KANGAR PERLIS**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan  
Salam Satu Malaysia

**Salam Ilmu, Keikhlasan, Kecemerlangan UniMAP**

**SALUTASI**

**My Respected Colleague Prof. Ciaran O' Cathain,**  
President of Athlone, Institute of Technology, Ireland.

**Yang Berbahagia Prof. Dr. Abdul Hamid Adom,** Timbalan  
Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UniMAP,

**Yang Berbahagia Prof. Madya Dr. Mohd Fo'ad Sakdan,**  
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)  
UniMAP

Pegawai-pegawai Utama Universiti

Yang Berusaha Penolong-Penolong Naib Canselor UniMAP,  
Dekan-dekan dan Ketua-ketua Jabatan,  
Seterusnya para pelajar IEC Universiti Malaysia Perlis yang  
saya kasihi sekalian.

Selamat Petang, Good afternoon, Masa'a AlKair (Arabic),  
Galab Wanaagsan (Somali), Hayirli Kech (Uzbek)

### **Kata Alu-aluan**

1. Alhamdulillah, bersyukur kehadrat Ilahi dengan izin dan rahmatNya dapat kita bersama-sama pada malam ini dalam Majlis Majlis Makan Malam Meraikan Pelajar IEC Dan Penghargaan Kejayaan Penyelidik UniMAP di MTE 2014.

***2. A warm welcome and “Selamat Datang” I bid to my colleague Prof. Ciaran O’ Cathain, President of Athlone Institute of Technology to join us tonight. Thank you for your willingness to cooperate and sharing technology between UniMAP and AIT. I hope it will continue.***

3. Terima kasih saya juga diucapkan kepada ahli jawatankuasa yang terlibat dalam penganjuran majlis pada malam ini. Sesungguhnya kerjasama dan komitmen yang diberikan amatlah dihargai dan hanya Allah sahaja yang mampu membalaunya.

#### **MALAYSIA TECHNOLOGY EXPO (MTE) 2014**

4. Dikesempatan ini saya ingin merakamkan ucapan tahniah kepada para penyelidik UniMAP yang menyertai Malaysia Technology Expo (MTE) 2014. UniMAP berjaya muncul sebagai johan keseluruhan dengan meraih 15 pingat emas, 11 perak dan 8 gangsa dari 35 produk yang dipertandingkan. Tahun lalu kita berjaya meraih 7 emas, 10 perak dan 10 gangsa dari 27 produk.

5. MTE 2014 adalah kejayaan pembuka tirai penyelidikan yang saya yakin akan menjadi pembakar semangat untuk pameran penyelidikan yang lain pula. Berikan tepukan yang gemuruh buat semua penyelidik UniMAP yang menyertai MTE 2014.
6. Tahniah juga diucapkan kepada Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (PPPI) UniMAP kerana melaksanakan pemilihan yang teliti kepada setiap produk yang mengambil bahagian dalam MTE 2014 ini. Semoga PPPI akan terus peka dan sensitif dengan pemilihan produk yang bakal menyertai sebarang pertandingan. Dari segi kejayaan produk, saya berasa bangga dengan pencapaian tersebut.

***Ladies and Gentlemen***

**PERKEMBANGAN PELAJAR IEC**

- 7. At this opportunity I would like to welcome our foreign students who are currently doing their International English Course UniMAP.***

**8. These students are from the November 2013 intake. I was informed that these students, 80 of them altogether are made of 13 different nationalities namely Yemen, Somalia, Uzbekistan, Myanmar, Sudan, Chad, Syria, China, Morocco, Jordan, Iraq, Ethiopia dan Djibouti. I have wanted to meet up with them but due to my busy schedule I have not been able to do so. Anyway I hope all of you IEC students are doing well and continue your study at UniMAP. This evening is also as an appreciation to all of you and to show that you are already a member of UniMAP's family.**

Hadirin sekalian,

9. IEC ini merupakan Kursus Bahasa Inggeris yang diambil untuk tempoh enam bulan ini adalah sangat penting untuk pelajar sekalian. Semua kursus-kursus akademik dan program kurikulum di UniMAP dijalankan dalam bahasa Inggeris.

10. Kursus Antarabangsa Bahasa Inggeris direka untuk membantu para pelajar mengukuhkan lagi penguasaan Bahasa Inggeris supaya para pelajar dapat mengikuti kursus sarjana muda dengan baik. Saya berharap para pelajar sekalian akan dapat menyesuaikan diri dengan persekitaran serta menjadi sesuatu yang menyeronokkan dan menarik. Ini sebahagian dari satu cabaran dan satu pengalaman pembelajaran.
11. Selain daripada bahasa Inggeris, saya juga mahu pelajar semua mempelajari bahasa Melayu, bahasa kebangsaan Malaysia. Pembelajaran bahasa Melayu bukan sahaja akan membolehkan para pelajar untuk berinteraksi lebih baik dengan masyarakat di sini tetapi juga akan membuat para pelajar lebih berkualiti dalam pasaran kerja.

Hadirin sekalian,

### **PROGRAM 1 CiTiZEN**

12. Dikesempatan ini juga saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada penerima anugerah Kelulusan Pensijilan Tertinggi program 1 CiTiZEN anjuran Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dengan kerjasama Prestariang Sdn. Bhd.
13. Segala usaha yang dilakukan telah membawa hasil dan saya berharap kecemerlangan sebegini dapat diteruskan sekaligus terus mengharumkan nama UniMAP.

### **PENUTUP**

14. Sebelum mengakhiri ucapan, saya sekali lagi ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada semua pemenang di MTE 2014 dan program 1 CiTiZEN. Semoga segala usaha yang murni ini akan dapat diteruskan dengan pelbagai kejayaan yang bakal diraih nanti.

15. Sekalung penghargaan juga buat sahabat saya Prof Ciaran kerana sudi meluangkan masa untuk sama-sama kita pada malam ini.

Sekian terima kasih